



## Nota Panduan Industri (IGN)

<b>PERKARA</b>	PENDAFTARAN PERSIJILAN BAHAN ASAS BINAAN BAGI KONKRIT SIAP PAKAI		
<b>DIKELUARKAN OLEH</b>	KEMAJUAN INDUSTRI		
<b>TARIKH DIKELUARKAN</b>	30 OGOS 2023	<b>TARIKH MANSUH</b>	-
<b>NO PINDAAN</b>	01		

### TUJUAN:

Nota Panduan Industri ini berfungsi sebagai notis kepada semua syarikat-syarikat mahupun pihak yang berkepentingan industri pembinaan terutama sekali syarikat-syarikat yang membekalkan Konkrit Siap Pakai.

Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi) ingin memaklumkan bahawa mulai dari tarikh Nota Panduan Industri ini, mana-mana syarikat yang membekalkan konkrit siap pakai adalah dikehendaki untuk menghadapkan permohonan Persijilan Bahan Asas Binaan serta dokumen keperluan seperti berikut:-

- Surat-surat Kebenaran setiap tapak perusahaan atau penyimpanan
- Salinan Geran Tanah dan Pelan Tapak menunjukkan setiap lokasi perusahaan atau penyimpanan
- Sijil Kesiapan Kemajuan (OP) untuk *Concrete Batching Plant*
- Sijil Pendaftaran Perniagaan Syarikat
- Sijil Pendaftaran Pembekal dalam Kategori Kerja P08, Kementerian Pembangunan
- Senarai ringkas laporan-laporan ujian teknikal 12 bulan kebelakangan bagi setiap cawangan atau *Petro Graphic Rock Test* bagi batu bata daripada makmal ujian pihak ketiga yang diiktiraf
- Laporan-laporan ujian setiap tiga (03) bulan bagi setiap cawangan

Untuk makluman, Borang Pendaftaran Persijilan Bahan Asas Binaan boleh dimuat turun [disini](#). Permohonan tersebut hendaklah dihadapkan melalui emel [irm.abci@mod.gov.bn](mailto:irm.abci@mod.gov.bn).

Sebagai peringatan, jika syarikat berkenaan tidak mempunyai Sijil Bahan Asas Binaan dari Kementerian Pembangunan yang sah ianya adalah menjadi **satu kesalahan berdasarkan Seksyen 42(a), Building Control (Amendment) Regulations, 2018** yang mana boleh dikenakan tindakan bersesuaian selanjutnya.

**Bagi keterangan lanjut, sila hubungi**

**Emel: [ABCi.customerservice@mod.gov.bn](mailto:ABCi.customerservice@mod.gov.bn)  
Whatsapp Hotline ABCi: +673 814 0365**

**- TAMAT -**



## Industry Guidance Note (IGN)

TOPIC	REGISTRATION OF CONSTRUCTION RAW MATERIAL CERTIFICATION FOR READY-MIXED CONCRETE		
ISSUED BY	INDUSTRY DEVELOPMENT		
ISSUE DATE	30 AUGUST 2023	EXPIRY DATE	-
REVISION NO	01		

### PURPOSE:

This Industry Guidance Note (IGN) serves as a notice to all construction companies and industry stakeholders in particular companies who are supplying Ready Mixed Concrete.

The Authority on Building Control and Construction Industry (ABCi) would like to hereby inform all relevant stakeholders that effective from the issuance date of this Industry Guidance Note, any companies supplying ready-mixed concrete is required to submit an application along with its relevant documents as follows:-

- Approval letter for each business operated or store
- Copy of Land Grant and Site Plan for each business operated or storage
- Occupation Permit – OP of Concrete Batching Plant
- Company Business Registration Certificate
- Supplier Registration Certificate in Work Category P08, Ministry of Development
- Summary of technical test reports in the past 12 months for every branch; or Petro Graphic Rock Test Report of aggregates from 3rd party accredited laboratory
- Copies of test reports every three (3) months for each branch

For information, the Registration of Construction Raw Material Certification Form is available [here](#). Applications are to be submitted by email to [irm.abci@mod.gov.bn](mailto:irm.abci@mod.gov.bn).

Please be reminded companies supplying ready-mixed concrete without a valid certificate is **an offence according to Section 42(a) of the Building Control (Amendment) Regulations, 2018**. Failure to comply, the Authority may proceed with further action.

**For further clarifications, please contact**

**Email: [ABCi.customerservice@mod.gov.bn](mailto:ABCi.customerservice@mod.gov.bn)**

**Whatsapp Hotline ABCi: +673 814 0365**

**- END -**